

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Keldai akaun peroleh wang secara tidak sah didenda
Date : 15 June 2023
Section : Tempatan
Page : 6



Keldai akaun peroleh wang secara tidak sah didenda

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret kerana kesalahan memiliki sejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi setelah Tong Chwee Ching, 52, dari Sri Kembangan, Selangor mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini,

tertuduh boleh didenda RM500 dan penjara sebulan jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah memiliki wang berjumlah RM2,650 di dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.50 pagi, 2 Februari 2021 di sebuah bank di Pusat Komersial Boulevard di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.